

**GARIS PANDUAN MENGENAI  
PEROLEHAN KEPENTINGAN, PENGGABUNGAN DAN PENGAMBILALIHAN OLEH  
KEPENTINGAN TEMPATAN DAN ASING**

## I. PENGENALAN

1. Garis Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan peraturan-peraturan Jawatankuasa Pelaburan Asing (*Foreign Investment Committee* - FIC) mengenai perolehan kepentingan, penggabungan dan pengambilalihan oleh kepentingan tempatan dan kepentingan asing.

## **II. TARIKH KUATKUASA**

2. Garis panduan ini mula berkuatkuasa pada 21 Mei 2003.

### **III. TAFSIRAN**

3. Dalam Garis Panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain: -

**Bumiputera** artinya -

- (a) bagi Semenanjung Malaysia,

individu Melayu atau Orang Asli seperitimana yang ditakrifkan dalam Perkara 160 (2) Perlembagaan Persekutuan;

- (b) bagi Sarawak,

individu sepatimana yang ditakrifkan dalam Perkara 161A (6)(a) Perlembagaan Persekutuan;

- (c) bagi Sabah,

individu sepatimana yang ditakrifkan dalam Perkara 161A (6)(b) Perlembagaan Persekutuan;

<b>hak mengundi</b>	ertiinya -
	(a) bagi syarikat tempatan awam, kuasa mengundi berkaitan dengan modal syer syarikat berkenaan yang boleh digunakan dalam suatu Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Luar Biasa; atau
	(b) bagi syarikat sendirian berhad, kuasa mengundi dalam syarikat berkenaan;
<b>kawalan</b>	ertiinya seseorang individu, syarikat atau pihak yang bertindak secara bersama yang -
	(a) mempunyai kepentingan lebih daripada 50% dalam sesebuah syarikat tempatan sendirian berhad atau institusi; atau
	(b) mempunyai kepentingan sebanyak 33% atau lebih dalam syarikat awam; atau
	(c) mempunyai kuasa untuk membuat dan melaksanakan keputusan berkaitan perniagaan atau pentadbiran syarikat tempatan atau institusi tersebut;
<b>kepentingan</b>	ertiinya pemegangan hak mengundi atau ekuiti atau hak lain ke atas sesebuah syarikat;
<b>kepentingan asing</b>	ertiinya sesuatu kepentingan, kumpulan kepentingan bersekutu atau pihak yang bertindak secara bersama merangkumi -
	(a) individu bukan warganegara Malaysia termasuk Pemastautin Tetap;
	(b) syarikat atau institusi asing; atau

	(c) syarikat tempatan atau institusi tempatan yang mana pihak di butiran (a) dan/atau (b) memiliki lebih daripada 50% hak mengundi dalam syarikat atau institusi berkenaan;
<b>kepentingan Bumiputera</b>	ertinya sesuatu kepentingan, kumpulan kepentingan bersekutu atau pihak yang bertindak secara bersama merangkumi -  (a) individu Bumiputera; atau  (b) syarikat tempatan atau institusi tempatan yang mana Bumiputera memiliki lebih daripada 50% hak mengundi dalam syarikat atau institusi berkenaan;
<b>kepentingan tempatan</b>	ertinya sesuatu kepentingan, kumpulan kepentingan bersekutu atau pihak yang bertindak secara bersama merangkumi -  (a) individu warganegara Malaysia; atau  (b) syarikat tempatan atau institusi tempatan yang mana warganegara Malaysia memiliki lebih daripada 50% hak mengundi dalam syarikat atau institusi berkenaan;
<b>pengambilalihan</b>	ertinya mana-mana transaksi yang melibatkan pemindahan lebih daripada 50% hak mengundi dalam sesebuah syarikat tempatan atau kumpulan syarikat tempatan daripada satu (1) pihak kepada pihak yang lain;
<b>penggabungan</b>	ertinya mana-mana transaksi yang melibatkan -  (a) percantuman dua (2) atau lebih syarikat tempatan yang akan diperbadankan menjadi sebuah syarikat tempatan yang baru; atau

	(b) percantuman dua (2) atau lebih syarikat tempatan tanpa pembentukan sebuah syarikat tempatan yang baru;
<b>perniagaan</b>	ertiya perniagaan seperti yang ditakrifkan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967;
<b>perolehan</b>	ertiya pemilikan ekuiti dalam sesebuah syarikat tempatan sama ada secara langsung atau tidak langsung termasuk pelanggan syer baru;
<b>syarikat asing</b>	ertiya syarikat asing seperti yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 1965;
<b>syarikat tempatan</b>	ertiya syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965;
<b>transaksi</b>	ertiya urus niaga seperti perolehan dan pelupusan syer, penggabungan, pengambilalihan dan urus niaga lain yang menyebabkan pemakaian Garis Panduan FIC ini; dan
<b>usaha sama</b>	ertiya hubungan/perjanjian perniagaan yang mana dua (2) pihak atau lebih bekerjasama untuk aktiviti tertentu dan bersetuju ke atas pengagihan keuntungan.

#### **IV. PEMAKAIAN**

4. Garis Panduan ini hendaklah terpakai kepada transaksi berikut: -
  - 4.1 Apa-apa cadangan perolehan kepentingan dalam syarikat tempatan atau perniagaan di Malaysia yang bernilai RM10 juta atau lebih oleh kepentingan tempatan atau kepentingan asing;
  - 4.2 Apa-apa cadangan perolehan kepentingan dalam syarikat tempatan atau perniagaan di Malaysia dengan apa-apa cara yang menyebabkan pemilikan atau kawalan berpindah kepada kepentingan asing;

- 4.3 Apa-apa cadangan perolehan kepentingan oleh:-
- 4.3.1 mana-mana satu kepentingan asing yang melibatkan 15% atau lebih hak mengundi dalam mana-mana syarikat tempatan atau perniagaan di Malaysia; atau
- 4.3.2 mana-mana kumpulan kepentingan asing yang bersekutu atau tidak bersekutu dengan jumlah terkumpul 30% atau lebih hak mengundi dalam mana-mana syarikat tempatan atau perniagaan di Malaysia;
- walaupun nilainya adalah kurang daripada RM10 juta kecuali perolehan di pasaran terbuka Bursa Malaysia untuk pegangan jangka pendek;
- 4.4 Apa-apa cadangan perolehan kepentingan seperti di perenggan 4.3 oleh: -
- 4.4.1 mana-mana satu kepentingan asing yang meningkatkan hak mengundi ke tahap 15% atau lebih dalam mana-mana syarikat tempatan atau perniagaan di Malaysia; atau
- 4.4.2 mana-mana kumpulan kepentingan asing yang bersekutu atau tidak bersekutu yang meningkatkan hak mengundi ke tahap terkumpul 30% atau lebih dalam mana-mana syarikat tempatan atau perniagaan di Malaysia;
- walaupun nilainya adalah kurang daripada RM10 juta kecuali perolehan di pasaran terbuka Bursa Malaysia untuk pegangan jangka pendek;
- 4.5 Apa-apa cadangan perolehan kepentingan dan kawalan oleh kepentingan tempatan yang melebihi 50% daripada hak mengundi dalam mana-mana syarikat tempatan atau perniagaan di Malaysia, walaupun nilainya adalah kurang daripada RM10 juta;
- 4.6 Apa-apa cadangan penggabungan atau pengambilalihan syarikat tempatan atau perniagaan di Malaysia oleh kepentingan tempatan atau kepentingan asing;

- 4.7 Apa-apa cadangan usaha sama yang melibatkan dua (2) pihak atau lebih dalam sesebuah syarikat tempatan;
- 4.8 Apa-apa kawalan ke atas sesebuah syarikat tempatan atau perniagaan di Malaysia melalui apa-apa bentuk perjanjian pengurusan, perjanjian bantuan teknik atau kaedah lain;
- 4.9 Apa-apa transaksi oleh badan berkanun, syarikat dan anak syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri;
- 4.10 Apa-apa cagaran syer dalam syarikat tempatan kepada mana-mana kepentingan asing yang mana jumlah pinjaman atau nilai pasaran syer adalah RM10 juta atau lebih. Cagaran syer dibenarkan jika kesemua pinjaman yang diperoleh adalah bagi tujuan operasi perniagaan di Malaysia sahaja;
- 4.11 Apa-apa cadangan berikut hendaklah dikemukakan bagi pertimbangan Suruhanjaya Sekuriti (*Securities Commission-SC*) tanpa perlu mengemukakan permohonan kepada FIC: -
  - 4.11.1 apa-apa cadangan berkaitan dengan syarikat pengurusan unit amanah;
  - 4.11.2 apa-apa permohonan berkaitan struktur ekuiti syarikat yang dilesenkan atau didaftarkan dengan SC atau diluluskan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983 atau Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993;
  - 4.11.3 apa-apa cadangan yang tertakluk di bawah Seksyen 32 Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993;
  - 4.11.4 cadangan perolehan kepentingan atau pengambilalihan dan penggabungan yang tertakluk di bawah Bahagian II, Seksyen 33 dan Seksyen 34, Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dan Kod Pengambilalihan dan Penggabungan 1998;
- 4.12 Bagi transaksi yang memerlukan kelulusan mana-mana badan kerajaan/berkanun, pengenaan syarat ekuiti akan dipertimbangkan oleh badan kerajaan/berkanun berkenaan berdasarkan Garis Panduan ini.

5. Nilai transaksi adalah terpakai kepada semua cara pembiayaan termasuk: -
  - 5.1 tunai;
  - 5.2 pertukaran syer;
  - 5.3 penyelesaian hutang;
  - 5.4 pertukaran aset tetap;
  - 5.5 cagaran syer; dan
  - 5.6 mana-mana kombinasi cara pembiayaan di atas.

## V. PENGECUALIAN

6. Garis Panduan ini tidak terpakai dalam keadaan seperti berikut: -
  - 6.1 Apa-apa perolehan kepentingan oleh Kementerian dan Jabatan Kerajaan;
  - 6.2 Apa-apa perolehan kepentingan oleh Menteri Kewangan Diperbadankan, Menteri Besar Diperbadankan dan Setiausaha Kerajaan Negeri Diperbadankan adalah dianggap telah diluluskan oleh Kerajaan;
  - 6.3 Apa-apa projek penswastaan sama ada di peringkat Persekutuan atau Negeri adalah dianggap telah diluluskan oleh Kerajaan dan oleh itu dikecualikan daripada Garis Panduan FIC. Walau bagaimanapun, hanya syarikat atau pihak asal yang menandatangani kontrak projek penswastaan adalah dianggap telah diluluskan oleh Kerajaan. Syarikat atau pihak lain yang kemudiannya turut serta dalam projek ini adalah tidak dianggap telah diluluskan oleh Kerajaan dan oleh itu dikehendaki mendapatkan kelulusan FIC. Walau bagaimanapun, takrifan penswastaan tidak termasuk pelupusan syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan atau anak syarikatnya sama ada dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri, kepada sektor swasta, dan pembeli adalah dikehendaki mendapatkan kelulusan FIC;

- 6.4 Apa-apa perolehan kepentingan dalam syarikat perkilangan yang dilesenkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (*Ministry Of International Trade and Industry - MITI*);
- 6.5 Apa-apa perolehan kepentingan dalam syarikat yang berstatus Koridor Raya Multimedia (*Multimedia Super Corridor - MSC*); dan
- 6.6 Apa-apa perolehan kepentingan dalam syarikat yang mendapat status Pusat Perolehan Antarabangsa (*International Procurement Centre*), Ibu Pejabat Operasi (*Operational Head Quarters*), Pejabat Perwakilan (*Representative Office*), Pejabat Serantau (*Regional Office*) dan syarikat luar pesisir Labuan atau status khas lain yang diberikan oleh Kementerian Kewangan, MITI dan kementerian lain.

## VI. SYARAT EKUITI

7. Syarat yang akan dikenakan adalah seperti berikut: -

- 7.1 Syarikat yang tidak mempunyai ekuiti Bumiputera atau yang mempunyai ekuiti Bumiputera kurang daripada 30% hendaklah meningkatkan ekuiti Bumiputera ke tahap sekurang-kurangnya 30%. Ekuiti selebihnya boleh dipegang sama ada oleh kepentingan tempatan, kepentingan asing atau secara bersama oleh kedua-duanya;
- 7.2 Syarat penyertaan sekurang-kurangnya 30% ekuiti Bumiputera akan diguna pakai secara seragam kecuali bagi aktiviti yang mana pembahagian ekuiti/dasar telah ditetapkan oleh Kerajaan;
- 7.3 Bagi syarikat yang terlibat dengan aktiviti yang mempunyai kepentingan negara seperti bekalan air dan tenaga, penyiaran, pertahanan dan keselamatan, penglibatan kepentingan asing dihadkan kepada tidak melebihi 30%. Dalam keadaan tertentu, Kerajaan juga berhak mengenakan syarat lain seperti menerbitkan syer khas (“golden share”);
- 7.4 Syarikat yang telah mencapai pegangan ekuiti Bumiputera 30% atau lebih tetapi kurang daripada 51%, akan dikenakan syarat supaya mengekalkan sekurang-kurangnya 30% ekuiti Bumiputera pada setiap masa;

- 7.5 Syarikat yang telah mencapai pegangan ekuiti Bumiputera 51% atau lebih, akan dikenakan syarat supaya mengekalkan sekurang-kurangnya 51% ekuiti Bumiputera pada setiap masa;
- 7.6 Bagi syarikat yang mengalami kerugian dan melaksanakan penyusunan semula hutang akan dikecualikan daripada syarat ekuiti dan ekuiti syarikat akan disemak semula selepas tiga (3) tahun daripada tarikh surat kelulusan FIC;
- 7.7 Bagi syarikat perkilangan yang tidak dilesenkan dan ditubuhkan selepas 31 Julai 1998, tiada syarat ekuiti akan dikenakan;
- 7.8 Syarat ekuiti yang dikenakan ke atas syarikat yang akan disenaraikan di Bursa Malaysia adalah seperti berikut:-
  - 7.8.1 semasa penyenaraian di Papan Utama atau Papan Kedua, syarikat hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 30% ekuiti Bumiputera melainkan syarikat tersebut telah dikecualikan oleh agensi Kerajaan atau badan pengawalseliaan yang berkenaan dan dengan itu dianggap telah mematuhi syarat ekuiti;
  - 7.8.2 syarikat yang akan disenaraikan di Pasaran *Malaysian Exchange of Securities Dealing and Automated Quotation Berhad* (MESDAQ), hendaklah mematuhi syarat ekuiti Bumiputera seperti yang terkandung dalam Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Bagi Pasaran MESDAQ; dan
  - 7.8.3 bagi syarikat yang akan disenaraikan dan mempunyai operasi utama di luar negara seperti yang ditakrifkan dalam Polisi Dan Garis Panduan Bagi Terbitan/Tawaran Sekuriti SC, syarat pegangan 30% ekuiti Bumiputera tidak semestinya dipatuhi;
- 7.9 Bagi syarikat yang dibenarkan untuk menerbit/ menawar ‘*Depository Receipts*’ (DR) di luar negara, syarat peruntukan 30% ekuiti kepada Bumiputera tidak akan dikenakan ke atas DR tersebut; dan

7.10 Bagi transaksi korporat oleh syarikat awam yang melibatkan peningkatan modal berbayar dan mengakibatkan pengurangan ekuiti Bumiputera, 30% daripada syer baru hendaklah ditawarkan kepada pelabur Bumiputera.

## VII. SYARAT MODAL SYER

8. Syarikat tempatan yang dimiliki oleh kepentingan asing dan mempunyai modal berbayar kurang daripada RM250,000 hendaklah meningkatkan modal tersebut kepada sekurang-kurangnya RM250,000 dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh surat kelulusan FIC; dan
9. Syarikat tempatan yang dimiliki oleh kepentingan tempatan dan mempunyai modal berbayar kurang daripada RM100,000 hendaklah meningkatkan modal berbayar tersebut kepada sekurang-kurangnya RM100,000 dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh surat kelulusan FIC.

## VIII. SYARAT GUNA TENAGA

10. Syarikat hendaklah berusaha sedaya upaya untuk melantik dan melatih warganegara Malaysia bagi mencerminkan komposisi penduduk negara di semua peringkat jawatan.

## IX. TEMPOH PEMATUHAN SYARAT EKUITI

11. Syarat ekuiti yang dikenakan, jika ada, hendaklah dipatuhi dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh surat kelulusan FIC;
12. Status pematuhan syarat ekuiti hendaklah dilaporkan kepada FIC selewat-lewatnya satu (1) bulan sebelum tamat tempoh pematuhan dan/atau apabila diminta oleh FIC; dan
13. Tempoh pematuhan syarat ekuiti boleh dilanjutkan selama satu (1) tahun berdasarkan merit sesuatu kes.

**X. PROSEDUR MENGEUKAKAN PERMOHONAN (Berkuat Kuasa Mulai 1 Ogos 2004)**

14. Tanggungjawab mengemukakan permohonan adalah terletak ke atas pembeli. Walau bagaimanapun, permohonan juga boleh diterima daripada pihak penjual atau syarikat sasaran.
15. Semua pemohon adalah bertanggungjawab ke atas ketepatan maklumat yang dikemukakan.
16. Semua cadangan dan komunikasi akan dianggap sebagai sulit.

**Perolehan Kepentingan, Penggabungan Dan Pengambilalihan Oleh Kepentingan Tempatan Dan Asing**

17. Bagi cadangan perolehan kepentingan, penggabungan dan pengambilalihan oleh kepentingan tempatan dan asing, setiap permohonan perlu disertakan dokumen-dokumen berikut:-
  - 17.1 Borang FIC S/2004;
  - 17.2 Borang Proforma I/2004 dan/atau II/2004;
  - 17.3 Satu (1) salinan perjanjian berkaitan;
  - 17.4 Satu (1) salinan surat/lesen daripada kementerian atau agensi Kerajaan (jika berkaitan);
  - 17.5 Satu (1) surat pengesahan daripada Setiausaha Syarikat mengenai struktur ekuiti semasa syarikat;
  - 17.6 Satu (1) salinan surat kelulusan bagi cadangan yang sama daripada kementerian atau agensi Kerajaan yang lain (jika berkaitan); dan
  - 17.7 Surat Akuan FIC SA/2004 yang ditandatangani oleh Pengurus/Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif syarikat atau mana-mana ahli Lembaga Pengarah syarikat atau mana-mana pegawai/individu yang diberi kuasa.

### **Pegangan Ekuiti Asing Dalam Syarikat Tempatan**

18. Bagi kelulusan FIC terhadap pegangan ekuiti asing dalam syarikat tempatan, seperti yang disyaratkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (Jabatan Imigresen) ke atas syarikat yang memohon lanjutan permit kerja pegawai dagang, setiap permohonan perlu disertakan dokumen-dokumen berikut:-
  - 18.1 Borang FIC S/2004;
  - 18.2 Borang Proforma I/2004 dan II/2004;
  - 18.3 Satu (1) salinan surat daripada Jabatan Imigresen;
  - 18.4 Satu (1) salinan lesen daripada kementerian atau agensi Kerajaan (jika berkaitan);
  - 18.5 Satu (1) salinan surat pengesahan daripada Setiausaha Syarikat mengenai struktur ekuiti semasa syarikat; dan
  - 18.6 Surat Akuan FIC SA/2004 yang ditandatangani oleh Pengurus/Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif syarikat atau mana-mana ahli Lembaga Pengarah syarikat atau mana-mana pegawai/individu yang diberi kuasa.
19. Bagi kelulusan FIC terhadap pegangan ekuiti asing dalam syarikat tempatan, seperti yang disyaratkan oleh lain-lain kementerian atau agensi Kerajaan, setiap permohonan juga perlu disertakan dokumen-dokumen seperti di butiran 18.1 hingga 18.6 (yang mana berkaitan).

### **Rayuan**

20. Semua rayuan berhubung dengan keputusan FIC atau permohonan lanjutan tempoh pematuhan syarat yang dikenakan oleh FIC boleh dipertimbangkan berdasarkan merit sesuatu kes dengan mengemukakan Borang FIC R/2004 yang telah dilengkapkan.

**XI. KEPUTUSAN FIC**

21. FIC akan memberi keputusan ke atas semua permohonan yang lengkap dalam tempoh 10 hari bekerja.

**XII. ALAMAT SURAT-MENYURAT DAN PERTANYAAN**

22. Semua permohonan hendaklah dikemukakan kepada: -

**Setiausaha,  
Jawatankuasa Pelaburan Asing,  
Unit Perancang Ekonomi,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Aras -1, Blok B5,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62502 Putrajaya, Malaysia.**

23. Sebarang kemosykilan boleh diajukan kepada Urus Setia FIC:-

**No. Tel. : 603-8888 3333/2944/2916  
No. Faks. : 603-8888 3917**

24. Garis Panduan ini juga boleh didapati di laman web Unit Perancang Ekonomi:-

**Laman Web : <http://www.epu.jpm.my>**